



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PT OKU BAHARU DIRANGKA, TEKAN MEKANISME PEMANTAUAN LEBIH INKLUSIF - KPWK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pt-oku-baharu-dirangka,-tekan-mekanisme-pemantauan-lebih-inklusif-kpwkm	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2465926	BERNAMA.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/10/kpwkm-sedang-bangunkan-pelan-tindakan-orang-kurang-upaya-baharu	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-sedang-bangunkan-pelan-tindakan-orang-kurang-upaya-baharu-noraini-ahmad-537961	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2465878	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KERANGKA RUU WARGA EMAS DALAM FASA PENELITIAN - KPWK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerangka-ruu-warga-emas-dalam-fasa-penelitian-kpwkm	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/10/dewan-negara-pelan-tindakan-warga-emas-negara-dilancar-oktober/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SIDANG KEMUNCIAK ASEAN 2025 ANGKAT ISU PEMERKASAAN WANITA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/sidang-kemuncak-asean-2025-angkat-isu-pemeriksaan-wanita/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2466163	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	HAMPIR 10,000 KIR KELUAR DARIPADA STATUS MISKIN TEGAR DI PERAK		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262399/hampir-10000-kir-keluar-daripada-status-miskin-tegar-di-perak	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/09/10/perak-berjaya-keluarkan-9686-kir-miskin-tegar-salbiah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2465831	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2465836	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERAJAAN KUAT KUASA TIGA AKTA TANGANI ISU BUNUH DIRI HARI INI		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2466073	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/government-enforces-three-acts-to-decriminalise-suicide-attempts-in-malaysia-IL14869753	THESUN.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/112614/legal-amendments-decriminalising-suicide-now-in-effect	THEVIBES.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2466074	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2025/09/1444444/cari-jalan-kekang-cubaan-bunuh-diri	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/10/amended-law-to-decriminalise-suicide-now-in-effect	THESTAR.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/10/on-world-suicide-prevention-day-attempting-suicide-no-longer-a-crime-in-malaysia-mental-health-assists-offered-instead/190685	MALAYMAIL.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/754801	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1444565/bunuh-diri-punca-kedua-kematian-remaja-di-dunia	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/09/10/3-akta-menyahjenayah-kesalahan-cuba-bunuh-diri-berkuat-kuasa-hari-ini/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/10/akta-cubaan-bunuh-diri-dimansuh-berkuat-kuasa-hari-ini/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	DBKU ANJUR CERAMAH KESEDARAN GANGGUAN SEKSUAL DAN KEGANASAN RUMAH TANGGA		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/10/dbku-anjur-ceramah-kesedaran-gangguan-seksual-dan-keganasan-rumah-tangga/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	196 MANGSA BANJIR DIPINDAHKAN KE PPK SELAGON DI BEAUFORT		NEUTRAL
	https://sabahmedia.com/2025/09/10/196-mangsa-banjir-dipindahkan-ke-ppk-selagon-di-beaufort/	SABAHMEDIA.COM	
	https://malaysiabangkit.com/196-mangsa-banjir-beaufort-dipindah/	MALAYSIABANGKIT.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	TULAR DIABAI IBU TIRI, POLIS AMBIL KETERANGAN BEBERAPA INDIVIDU		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262557/tular-diabai-ibu-tiri-polis-ambil-keterangan-beberapa-individu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747431/berita/semasa/polis-siasat-kanak-kanak-kembar-didakwa-tidur-luar-rumah-mata-ditutup-ketika-makan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1273216/neglect-authorities-probe-case-twins-forced-sleep-outside	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	POLIS SAHKAN KANAK-KANAK AUTISTIK DIKAT JALANI TERAPI, BUKAN DICULIK		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262573/polis-sahkan-kanak-kanak-autistik-diikat-jalani-terapi-bukan-diculik	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/polis-nafi-kes-culik-kanak-kanak-di-kuala-berang-mangsa-oku-autisme-JK14871118	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-nafi-berlaku-kes-culik-kanakkanak-di-kuala-berang-538006	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747453/berita/semasa/bukan-kes-culik-kanak-kanak-keluar-sendiri-dari-pdk---polis	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/politik/news.php?id=2466140	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/09/10/polis-nafi-kes-culik-kanak-kanak-di-kuala-berang/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	TUKANG CAT TIDAK MENGAKU NODAI ANAK KENALAN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/10/tukang-cat-tidak-mengaku-nodai-anak-kenalan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262416/tukang-cat-berdepan-lima-pertuduhan-jenayah-seksual	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-didakwa-lima-tuduhan-rogol-seks-luar-tabii-terhadap-kanakkanak-perempuan-537926	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/tukang-cat-tidak-mengaku-rogol-seks-luar-tabii-anak-kenalan/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	WARGA EMAS DIDAKWA ROGOL, AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK PEREMPUAN 7 TAHUN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/warga-emas-didakwa-rogol-amang-seksual-kanak-kanak-perempuan-7-tahun/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262362/warga-emas-tidak-mengaku-salah-rogol-amang-seksual-fizikal-budak-7-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747352/edisi/pahang/warga-emas-didakwa-rogol-amang-seksual-kanak-kanak-perempuan-tujuh-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/10/warga-emas-dituduh-amang-seksual-kanak-kanak-perempuan-7-tahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/754744	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/warga-emas-dituduh-rogol-amang-seksual-budak-perempuan-7-tahun/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PT OKU baharu dirangka, tekan mekanisme pemantauan lebih inklusif – KPWK

Nasional - Dicipta: 10 September 2025 05:38 PM



Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PT OKU) baharu dirangka, tekan mekanisme pemantauan lebih inklusif / Foto Hiasan / Bernama

KUALA LUMPUR, 10 September – Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PT OKU) baharu sedang dibangunkan sebagai kesinambungan kepada pelan terdahulu, dengan mengambil kira pandangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil serta agensi berkaitan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKB OKU) dalam mesyuarat pada 23 Julai lalu telah meneliti pencapaian PT OKU sedia ada.

"Majlis mengambil maklum pencapaian semasa program PT OKU pada kadar 69.09 peratus, iaitu melepasi sasaran yang ditetapkan. Namun, MKB OKU berpandangan pencapaian ini wajar terus dipertingkatkan dalam pelan baharu," katanya ketika menjawab pertanyaan Senator D. J. Isaiah pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara, hari ini.



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad / Foto Bernama

Menurut Dr. Noraini, setiap kementerian dan agensi kerajaan perlu bertanggungjawab memastikan pelaksanaan program mengikut senarai yang telah ditetapkan serta mengambil tindakan sewajarnya agar semua program dapat diselesaikan dalam tempoh masa ditentukan.

Beliau menjelaskan, pembangunan PT OKU baharu juga akan mengenal pasti mekanisme pemantauan dan pelaporan yang sesuai bagi setiap program, dengan mengambil kira dasar OKU sedia ada, pencapaian pelan terdahulu serta peruntukan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).

"Pemantauan akan dilaksanakan secara inklusif melalui MKB OKU dan empat jawatankuasa di bawahnya. Satu mekanisme pemantauan berstruktur turut dirangka, termasuk penyediaan saluran komunikasi bagi menerima pandangan dan aduan sekiranya berlaku kelemahan dalam pelaksanaan," katanya.

Tambah beliau, MKB OKU turut meminta semua kementerian dan agensi melaporkan status tindakan susulan bagi program yang belum mencapai tahap pelaksanaan penuh, meskipun ia telah melepasi sasaran asas yang ditetapkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerangka RUU Warga Emas dalam fasa penelitian – KPWK

Nasional – Dicipta: 10 September 2025 03:22 PM



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad ketika Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen ke-15 Persidangan Dewan Negara di Bangunan Parlimen hari ini. Foto- BERNAMA

KUALA LUMPUR, 10 September – Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan bagi mengemas kini kerangka Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas sedang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Langkah itu merupakan usaha proaktif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) untuk mewujudkan perundangan khusus bagi warga emas.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff dalam sesi jawapan lisan di Dewan Negara, hari ini.

Beliau menjelaskan, usaha tersebut diharap dapat memberi perlindungan kepada warga emas secara lebih menyeluruh dan berkesan di samping peruntukan perundangan sedia ada.

"KPWK akan mengadakan sesi libat urus fasa berikutnya bagi memurnikan kerangka perundangan yang dikemas kini itu kelak. Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan atau *National Aging Blueprint (NAB)* sebagai panduan strategik dan menyeluruh dalam menghadapi cabaran negara tua di Malaysia," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Noraini, kerangka RUU berkenaan kini dalam fasa penelitian dengan mengambil kira manfaat jangka panjang kepada komuniti warga emas di bawah NAB.

"Rangka tindakan ini merangkumi pendekatan rentas kementerian dan agensi serta mengambil kira aspek penting seperti perancangan infrastruktur sosial dan dasar yang berkaitan demi memastikan negara bersedia dari segi dasar, struktur dan pelaksanaannya.

"Pada masa sama, di bawah NAB ini, KPWK akan menerajui usaha penyediaan ekosistem perkhidmatan penjagaan jangka panjang atau *long term care* yang menyeluruh dan berkesan.

"Dalam hal ini, KPWK sedang membangunkan kerangka strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026-2030, dan kerangka ini kini dalam fasa akhir pembangunannya," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sidang kemuncak ASEAN 2025 angkat isu pemerkasaan wanita

🕒 10 September 2025, 5:48pm



Oleh: Deerina Sheikh Faisal, Eisy Nabila Suthikman

KUALA LUMPUR: Pemerkasaan wanita menjadi fokus utama Sidang Kemuncak Wanita, Keamanan dan Keselamatan ASEAN 2025, yang melabuhkan tirainya di sini hari ini.

Ucapan penutup disampaikan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, yang menegaskan wanita perlu diberi ruang lebih luas untuk memimpin.

Menurut Ahli Parlimen Bandar Tun Razak itu, peranan wanita adalah asas kepada kekuatan keluarga, keselamatan komuniti dan daya tahan negara.

"Keupayaan seorang wanita untuk menyumbang kepada keselamatan negara sering kali berkait rapat dengan keselamatan dan sokongan yang dimilikinya di rumah sendiri," katanya ketika berucap pada majlis penutupan Sidang Kemuncak Wanita, Keamanan dan Keselamatan ASEAN 2025 hari ini.

Turut hadir Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, yang memberikan sokongan terhadap agenda pemerkasaan wanita di rantau ini.

Persidangan dua hari itu menghimpunkan wakil ASEAN, pertubuhan antarabangsa dan masyarakat sivil untuk membincangkan cabaran dan berkongsi pengalaman.

Tambah beliau, antara komitmen sidang termasuk membuka lebih banyak peluang kepimpinan kepada wanita dan memperkukuh generasi muda dengan kemahiran memimpin.

"Kami sedang membentuk generasi pemimpin masa depan yang mampu membina dunia yang lebih adil dan saksama," katanya.

Dalam ucapannya, definisi keselamatan ASEAN juga ditegaskan perlu inklusif dengan mengambil kira keperluan wanita, keluarga dan komuniti.

Dalam sidang kemuncak itu, Malaysia turut melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Wanita, Keamanan dan Keselamatan sebagai bukti komitmen ke arah masa depan inklusif.

Namun, pelaksanaan berkesan memerlukan pemantauan rapi, akauntabiliti jelas dan kerjasama pelbagai pihak.

Susulan itu, sidang berkenaan mengukuhkan mesej bahawa wanita adalah teras penting dalam membina keamanan dan kestabilan serantau.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 9,686 KIR KELUAR DARI MISKIN TEGAR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

SIDANG DUN PERAK

9,686 KIR keluar dari miskin tegar

Bernama

Ipoh

Perak berjaya menoktahi kemiskinan tegar sebanyak 9,686 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi tempoh 2024 hingga 3 September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Salbiah Mohamed berkata, jumlah itu memabatkan sebanyak 8,986 KIR pada 2024 dan 700 KIR hingga 3 September tahun ini.

"...dan ini menjadikan angka kosong (o) Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar di negeri Perak. Ia hasil pelbagai langkah-langkah dan pendekatan," katanya pada sesi soal jawab lisan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Perak di sini, semalam.

Salbiah menjawab soalan **Dr Mohamad Yusri Bakir (BN-Ayer Kuning)** yang bertanyakan tentang usaha atau pembaharuan yang



SALBIAH berucap pada Persidangan DUN Perak, semalam.

akan dan sedang dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan di Perak.

Mengulas lanjut, Salbiah berkata, setakat 3 September lalu, Perak berjaya mengeluarkan sebanyak 5,719 KIR daripada status miskin, menjadikan angka terkini sebanyak 2,064 KIR, iaitu penurunan sebanyak 73.6 peratus.

Menurutnya, antara langkah diambil adalah pe-

nekanan kepada program peningkatan pendapatan melalui bantuan peralatan perniagaan dan program pemadanan pekerjaan bagi membantu peserta meningkatkan ekonomi sendiri serta keluarga.

"Pogram seumpamanya banyak disediakan oleh agensi seperti Bantuan Peralatan melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Geran

Gerak melalui Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP).

"Bantuan Peralatan Biznita melalui Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (SPW), padanan pekerjaan melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak) dan sebagainya dapat memastikan pendapatan golongan ini dapat dipertingkatkan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hampir 10,000 KIR keluar daripada status miskin tegar di Perak

BERNAMA



Salbiah Mohamed berucap pada Mesyuarat Kedua, Tahun Ketiga Dewan Negeri Ke-15 Perak Darul Ridzuan di Bangunan Perak Darul Ridzuan hari ini.
FOTO BERNAMA

Ipoh: Perak berjaya menoktahi kemiskinan tegar sebanyak 9,686 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi tempoh 2024 hingga 3 September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Salbiah Mohamed berkata, jumlah itu membabitkan 8,986 KIR pada 2024 dan 700 KIR hingga 3 September tahun ini.

"... dan ini menjadikan angka kosong (0) Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar di negeri Perak. Ia hasil pelbagai langkah-langkah dan pendekatan," katanya pada sesi soal jawab lisan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini, hari ini.

Salbiah menjawab soalan Dr Mohamad Yusri Bakir (BN-Ayer Kuning) yang bertanyakan tentang usaha atau pembaharuan yang akan dan sedang dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan di Perak.

Mengulas lanjut, Salbiah berkata, setakat 3 September lalu, Perak berjaya mengeluarkan sebanyak 5,719 KIR daripada status miskin, menjadikan angka terkini sebanyak 2,064 KIR, iaitu penurunan 73.6 peratus.

Menurutnya, antara langkah diambil adalah penekanan kepada program peningkatan pendapatan melalui bantuan peralatan perniagaan dan program pepadanan pekerjaan bagi membantu peserta meningkatkan ekonomi sendiri serta keluarga.

"Pogram seumpamanya banyak disediakan oleh agensi-agensi seperti Bantuan Peralatan melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Geran Gerak melalui Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP).

"Bantuan Peralatan Biznita melalui Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (SPW), padanan pekerjaan melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak) dan sebagainya untuk memastikan pendapatan golongan ini dapat dipertingkatkan," katanya.

Selain itu, bantuan bulanan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak masih diteruskan kepada kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan Kuat Kuasa Tiga Akta Tangani Isu Bunuh Diri Hari Ini

🕒 10/09/2025 07:16 PM



PUTRAJAYA, 10 Sept (Bernama) -- Kerajaan menguatkuasakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023, Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 dan Akta Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 sempena Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia (*World Suicide Prevention Day*) 2025 hari ini.

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi kenyataan bersama hari ini memaklumkan ia adalah sebagai pelengkap kepada usaha menyangkan kesalahan cubaan bunuh diri di Malaysia.

"BHEUU JPM ingin menegaskan bahawa kesalahan bagi persubahatan bunuh diri (*abetment of suicide*) masih dikekalkan dan kesalahan persubahatan percubaan membunuh diri (*abetment of attempted suicide*) diperkenalkan di bawah Seksyen 306 Kanun Keseksaan (Akta 574).

"Ia seterusnya dibezakan berdasarkan kategori orang yang dihasut untuk melakukan tindakan-tindakan yang berkaitan (*abetment of suicide or attempted suicide of child or person who lacks mental capacity*) di bawah Seksyen 305 Akta 574," menurut kenyataan itu.

Untuk rekod, pada 2023, Kerajaan MADANI telah membentangkan tiga rang undang-undang (RUU) di Parlimen, yang diluluskan pada tahun sama, iaitu RUU Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023, RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 dan RUU Kesihatan Mental (Pindaan) 2023, yang bertujuan menyangkan kesalahan cubaan bunuh diri (*decriminalisation of attempted suicide*) di Malaysia.

RUU Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023 memansuhkan Seksyen 309 Akta 574 yang memperuntukkan bahawa seorang yang cuba membunuh diri boleh didakwa di mahkamah dan sekiranya didapati bersalah, boleh dijatuhkan hukuman penjara sehingga satu tahun pemenjaraan atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, sebagai langkah susulan RUU Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 memperkenalkan Pegawai Intervensi Krisis (PIK), yang terdiri daripada pegawai Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Menerusi pindaan ini, PIK diberikan kuasa yang sewajarnya untuk bertindak di bawah Seksyen 11 Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) apabila berlakunya sesuatu cubaan untuk membunuh diri. Kuasa ini antara lain bertujuan membawa seorang yang telah cuba membunuh diri ke hospital psikiatri untuk pemeriksaan mengikut peruntukan di bawah akta itu," katanya.

Menurut BHEUU dan KKM, dari sudut pelaksanaan, PIK boleh membawa individu ke Jabatan Kecemasan hospital kerajaan terdekat yang telah diwartakan untuk tujuan penilaian dan rawatan awal.

Dalam hal ini, KKM juga dalam peringkat akhirewartakan hampir semua hospital di bawahnya serta dua hospital universiti sebagai hospital psikiatri kerajaan, yang melibatkan 145 hospital yang boleh menerima rujukan PIK termasuk bagi kes di kawasan pedalaman, menurut kenyataan itu.

"Latihan khusus berkenaan pengurusan individu tersebut oleh PIK juga akan dimulakan dalam masa terdekat bagi memastikan pelaksanaan yang seragam di seluruh negara.

"Reformasi undang-undang ini akan menjadi anjakan besar dalam usaha mencegah cubaan bunuh diri di Malaysia dengan menggalakkan mereka yang terkesan daripada kesihatan mental untuk tampil ke hadapan bagi mendapatkan bantuan, menghapuskan stigma terhadap cubaan bunuh diri dan seterusnya menurunkan kadar kematian akibat membunuh diri," menurut kenyataan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga kerja Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah menghadiri Ceramah Kesedaran Gangguan Seksual Di Tempat Kerja dan Keganasan Rumah Tangga. Foto DBKU

DBKU anjur Ceramah Kesedaran Gangguan Seksual dan Keganasan Rumah Tangga

By TVS #bm, Berita Sarawak September 10, 2025 2:03 PM

KUCHING, 10 Sept: Warga kerja Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah menghadiri Ceramah Kesedaran Gangguan Seksual Di Tempat Kerja dan Keganasan Rumah Tangga yang berlangsung di Auditorium DBKU, semalam.

Menurut kenyataan DBKU, program ini menampilkan dua penceramah berpengalaman iaitu Norhamimah Buang, Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Integriti, Pejabat Naib Canselor UNIMAS bagi topik Gangguan Seksual Di Tempat Kerja dan Inspektor Noor Shazalina Ambo Ache dari PDRM yang membincangkan isu Keganasan Rumah Tangga.

Ceramah ini bertujuan memperkukuh kefahaman warga kerja DBKU tentang hak perlindungan diri serta implikasi serius berkaitan gangguan seksual dan keganasan domestik.

Antara objektif utama ceramah ialah memberi pendedahan mengenai undang-undang dan hak pekerja terhadap gangguan seksual dan keganasan rumah tangga.

Selain itu, ia juga meningkatkan kesedaran mengenai bahaya gangguan di tempat kerja serta memupuk sikap prihatin dan sokongan terhadap kesejahteraan rakan sekerja.

Penganjuran ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan DBKU dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat, profesional dan bebas gangguan, sekali gus memperkukuh budaya organisasi yang berintegriti dan inklusif.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : M'SIA AMONG TOP IN WORLD BULLYING LIST

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

I thought it was harmless fun, but I was wrong, says bully

PETALING JAYA: Several former bullies admitted targeting their peers in school out of a desire to feel powerful over those they saw as weaker, while convincing themselves it was "just harmless fun".

However, over time, these former bullies realised the damage they had caused and wished they had acted differently.

Bullying in schools, as defined by Unesco, is "a damaging social process that is characterised by an imbalance of power driven by social (societal) and institutional norms".

"It is often repeated and manifests as unwarranted interpersonal behaviour among students or school personnel that causes physical, social and emotional harm to the targeted individuals or groups and the wider school community."

A 45-year-old corporate worker, who declined to be named, admitted she was once a bully in Standard Four because she wanted to

fit in with the popular group.

"It was peer pressure. I've always been with the 'popular' cliques. But this particular group of girls took to bullying and being mean to some of the younger and weaker kids. And I was conditioned to join them. No excuses but that was what I did."

She recalled how they often targeted children one or two years younger, deliberately using harsh words to reduce them to tears.

"It only stopped when one of the victims told her parents and they got involved," she added.

Looking back, she said she spent the rest of her school years and even after finishing secondary school trying to make up for her mistake.

She even had the chance to meet the girl she had bullied and apologised in person.

"I felt really bad because I knew what I did was wrong. I lived with regret, so I tried to make up for it

"Perhaps it gave us a sense of superiority, but in truth, it was an immature and cruel way of dealing with our own insecurities."

Kamal

by protecting weaker kids at school," she said.

Her advice to others: "If you want to feel powerful or popular, don't be mean and do it at the expense of others."

"Bullying will only eat away at

you in the long run."

Trisha, 24, (not her real name) recalled bullying a timid, smart classmate when she was nine.

"I would keep dropping his pencil and eraser on purpose, making him pick them up."

"I also took his book to copy his homework. At the time, I thought it was harmless fun," she said.

Looking back, she regrets her actions.

"I wish I had been more mindful. Children should be taught empathy from a young age and those who are timid should also be encouraged to speak up."

Kamal, a 37-year-old businessman, admitted that during his school years, he often ganged up with friends to mock and intimidate weaker classmates.

"At that time, we thought it was just fun and games. We would laugh whenever our classmates became scared and begged us to stop. Perhaps it gave us a sense of superiority, but in truth, it was an

immature and cruel way of dealing with our own insecurities," he said.

Now a father, Kamal said the regret weighs heavily on him.

"I'm ashamed of my actions. If I could turn back time, I wouldn't have done those things."

"Today, I constantly remind my children about kindness and empathy, so they don't repeat my mistakes," he said.

Lim, 33, an analyst, said he and his friends used to target a classmate who had a mole on his face, teasing him until he had it removed.

"We were shocked when he did it, but instead of stopping, we continued to make fun of him when the mole grew back," he recalled.

With hindsight, Lim now recognised the cruelty of their behaviour.

"Looking back, it must have been traumatic for him. I feel genuinely sorry for what we did," he said.

M'sia among top in world bullying list

Country ranked fourth out of 45, data shows

By DIYANA PFORTEN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia has one of the highest rates of bullying in schools, according to a global study.

Data from the 2023 Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) shows that Malaysia ranked fourth out of 45 countries in bullying prevalence among eighth grade (Form Two) students.

The prevalence of bullying in Malaysia stood at 56% in 2023, down from 65% in 2019.

South Africa had the highest school bullying prevalence in 2023 at 70%, followed by Morocco (60%) and Brazil (57%).

More than 8,600 Malaysian students, as well as headmasters in 180 schools were surveyed for TIMSS 2023.

The global study provides data on the performance of fourth and eighth grade students on the two subjects.

It also surveys respondents on various education-related topics, including bullying.

"South Africa and Malaysia are among the few countries with a decline in prevalence (of bullying), yet they still have some of the highest rates," said the Center for Global Development (CGD).

Bullying gained national attention following the death of Form One student Zara Quirina Mahathir in July, a day after she was admitted to hospital, having been found unconscious in a drain near her school dormitory in Papar, Sabah.

CGD, which conducted a recent study on the TIMSS results for 21 middle-income countries, including Malaysia, found an overall increase in reports of physical

Star Plus
Interactive storytelling with data
Check out TheStar.com.my

and emotional bullying among students in 2023.

"When comparing bullying data with TIMSS's 2019 cycle, we note that in 2023, on average, the percentage of fourth graders reporting bullying increased from 45% to 56%, and among eighth graders, from 60% to 64%."

"Across countries, the increase ranged from four to 23 percentage points for fourth graders and four to 18 percentage points for eighth graders," it said.

CGD's calculation on TIMSS 2023 results show that in Malaysia, 75% of boys and 68% of girls in Form Two reported experiencing emotional bullying.

This involved behaviour such as teasing, name-calling, spreading rumours or social exclusion.

Physical bullying was less common but still significant, affecting 49% of boys and 39% of girls.

Meanwhile, more than half of headmasters (52%) believe bullying is not a problem in their schools, while 43% see it as only a minor issue.

Only 5% view it as a moderate or serious concern.

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman said said last month that the government had introduced an amendment to the law to better address bullying.

It involves the Penal Code (Amendment) Act 2025 [Act

A1750], which aims to address harassment, bullying, insults and identity misuse, including acts committed online.

Offences include harassment, threats, bullying, insults and the misuse of identity information, with severe penalties if such acts lead to suicide attempts or suicides due to provocation.

Convicted offenders can face imprisonment of up to 10 years, fines or both.

The government is also considering an Anti-Bullying Act and Anti-Bullying Tribunal to address the issue of bullying in the country.

The International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA), the association that operates and implements TIMSS, said there is a strong correlation between frequent bullying and lower student achievement scores.

"Internationally, students who report almost never being bullied scored almost 60 points higher on average in TIMSS 2023 than students who were bullied weekly."

"The data suggests that bullying is a clearly negative factor for students when it comes to achievement," said IEA's media and communications liaison Colm Brennan.

He said the implications of bullying extend beyond academic outcomes.

"The mental health and well-being of children are severely impacted, with bullying taking a toll on their happiness and social competencies."

"Not only does high bullying incidence negatively affect learning, but low academic achievement can also impair students' social skills and behaviours," said Brennan.

Types of BULLYING

1. Physical

Any unwanted physical aggression or interference with another's property, including:

- Hitting, kicking, slapping or pinching
- Pushing or shoving
- Spitting on another person
- Stealing, hiding or damaging belongings



2. Verbal

Unwanted spoken or written words that demean, harass or intimidate, including:


- Name-calling, insults and taunting
- Derogatory nicknames
- Threats of harm
- Malicious jokes or teasing about personal characteristics (e.g. appearance, disability)



3. Relational (Social)

Behaviours aimed at damaging someone's social relationships or status, such as:

- Deliberately excluding someone from a group or activity
- Spreading rumours or gossip to harm reputation
- Encouraging others to reject or ostracise a peer
- Coordinating collective mockery or humiliation



4. Sexual

Unwanted sexualised behaviours that cause distress, including:


- Unwelcome sexual comments or jokes
- Sexual gestures or indecent exposure
- Unwanted touching or grabbing of sexual body parts
- Pressuring someone for sexual acts or sharing sexual images without consent



5. Cyberbullying

Use of digital technologies to harass, threaten or humiliate, including:

- Sending hurtful or threatening text messages, emails or direct messages
- Posting insulting comments or humiliating photos/videos online
- Creating fake profiles to mock or defame someone
- Excluding someone from online groups, chats or social media platforms



Source: Unesco

TheStargraphics

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CALLS GROW FOR COMPREHENSIVE STUDY ON BULLYING IN SCHOOL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Calls grow for comprehensive study on bullying in schools

By ARFA YUNUS
arfayunus@thestar.com.my

PETALING JAYA: Stakeholders are calling for a comprehensive nationwide study on bullying, warning that existing research is fragmented and inadequate to capture the true scale of the problem.

Institute for Democracy and Economic Affairs manager Amalia Annuar said bullying in schools remained normalised, particularly in elite boarding institutions.

"What we lack in Malaysia is a comprehensive study on bullying. What we have are sporadic studies – by state, by district – perhaps due to the lack of openness from certain parties to allow research in schools and dormitories.

"Until we have that, we cannot truly understand the real trend,"

she said during the "Hentikan Buli: Suara Rakyat, Tanggungjawab Kita" town hall session organised by the Parliamentary Special Select Committee on Women, Children and Community Development yesterday.

Amalia, who entered a boarding school at 13, recalled being told by a school counsellor that bullying was "normal" and something to be endured.

She described practices such as greeting seniors in prescribed ways, washing their shoes, preparing their food, and allowing them to cut queues as routine.

Calling this attitude "disheartening," Amalia urged Parliament to hold a dedicated town hall session with children themselves.

She also recommended amending anti-bullying guidelines to embed child protection principles, creating a child-friendly

helpline and prioritising preventative measures over reactive responses.

Others called for more direct interventions, with Sekolah Agama Menengah Tanjung Karang deputy president Nur Hamzah Suratm suggesting that bullying be included in civic education classes and even Friday sermons.

He also advocated reinstating caning as a deterrent, displaying banners in schools with anti-bullying messages and allocating more funds for awareness campaigns.

Ampang MP Rodziah Ismail said children's voices must be central to the discussion.

"We always talk about children, but they are not involved. Communities need more programmes not made for children, but by children," she said, adding

that Parliament must also strengthen systems to protect all parties, including children with disabilities.

Rodziah rejected the suggestion of reinstating caning, noting that international conventions and existing laws prohibit it.

Instead, she said Parliament must reinforce awareness that bullying is a criminal offence, and review hierarchical systems within schools that allow power to be misused.

Taman Medan assemblyman Dr Afif Bahardin proposed creating a "severity index" to measure the incidence of bullying in schools, similar to average grades, and to make the results public.

"If schools are labelled, principals, teachers and parent-teacher associations will automatically feel pressured to improve," he said.

He also suggested compulsory anonymous reporting mechanisms, such as drop boxes or apps, to empower the victims to come forward.

Earlier, Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Johari Abdul said bullying remained deeply entrenched in schools, universities and even families, warning that its greatest impact was often on mental health.

Recalling his own experiences from the 1970s and cases he witnessed abroad, he said some victims were left traumatised or even driven to suicide.

Johari stressed that the committee must ensure its findings are made public and debated.

Committee chairman Yeo Bee Yin said more grassroots voices would be gathered before long-term proposals are submitted to the government.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ACYCS 2025 ANGKAT SUARA BELIA, KANAK-KANAK DALAM ISU IKLIM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 25

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

ACYCS 2025 angkat suara belia, kanak-kanak dalam isu iklim

Pelbagai program dilaksanakan beri ruang generasi muda kemuka idea lebih bernas

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Realitinya, kira-kira 41 peratus kanak-kanak kini terdedah kepada lima atau lebih kejutan iklim secara serentak, iaitu hampir tiga kali ganda berbanding purata global.

Angka ini tidak sekadar statistik, ia menggambarkan generasi muda yang mewarisi beban paling berat, walaupun bukan penyumbang utama krisis berkenaan. Beban ditanggung generasi muda ini termasuklah pendidikan terganggu, tahap pemakanan merosot, malah kesihatan semakin terancam.

Dalam landskap ASEAN, lebih 213 juta belia, iaitu hampir satu pertiga daripada populasi serantau, membesar di tengah-tengah perubahan iklim yang kian terasa. Justeru, Sidang Kemuncak Kanak-Kanak dan Belia ASEAN Mengenai Iklim (ACYCS) 2025 di Langkawi, baru-baru ini hadir tepat pada masanya.

Lebih 100 delegasi belia berusia 15 hingga 25 tahun dari sepuluh negara berhimpun, bukan



Lebih 100 delegasi belia menghadiri Sidang Kemuncak Kanak-Kanak dan Belia ASEAN Mengenai Iklim 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

untuk menagih simpati, tetapi mengangkat suara bahawa mereka wajar diiktiraf sebagai sebahagian penyelesaian.

Wakil UNICEF ke Malaysia, Robert Gass dalam ucapan, menekankan sesuatu yang jarang diberi perhatian, bahawa isu iklim juga adalah isu hak kanak-kanak.

Kehadiran mereka bukan sekadar simbolik, tetapi detik penting membina pengaruh dan seterusnya mencetuskan impak. Sidang ini turut mengingatkan, belia bukan lagi pemerhati, sebaliknya pemimpin yang menawarkan

kan idea, penyelesaian dan semangat baharu. Menariknya, sidang tidak terhenti pada wacana. Delegasi turut terlibat dengan bengkel, dialog, bahkan turun padang meneroka ekosistem paya bakau di Langkawi UNESCO Global Geopark.

Inovasi akar umbi

Pasar Iklim Belia pula memperlihatkan inovasi akar umbi, daripada pemulihan ekosistem hingga projek kompos sisa, sekali gus membuktikan belia ASEAN bukan sekadar bercakap, tetapi melaksanakan tindakan nyata.

Kepelbagaian delegasi termasuk belia Orang Asli, pemimpin komuniti dan aktivis iklim memperkukuh mesej keterangkuman.

Malah, selari dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME) Ke-18, suara mereka dibawa terus ke meja rundingan dasar melalui Deklarasi ASEAN Kanak-Kanak dan Belia Mengenai Iklim.

Bagi Malaysia, menjadi tuan rumah ACYCS 2025 ketika memegang Kepengerusian ASEAN memberi nilai tambah. Ia seiring usaha memperkenalkan Dasar

Perubahan Iklim Negara (DPIN) 2.0 serta Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP), selain melengkapkan pelan serantau ACCSAP 2025-2030.

Hakikatnya, perubahan iklim adalah cabaran merentasi generasi. Apa diputuskan hari ini akan membentuk dunia diwarisi belia esok. Justeru, menafikan suara mereka bukan lagi pilihan. ACYCS 2025 sudah menetapkan tanda aras baharu bahawa kepimpinan iklim mesti inklusif, dan generasi muda wajar diberi ruang sebagai peneraju bukan sekadar pewaris.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



196 mangsa banjir dipindahkan ke PPK Selagon di Beaufort

By **editor02** September 10, 2025



BEAUFORT : Seramai 196 mangsa banjir daripada 62 keluarga kini ditempatkan di Pusat Pemindahan Kekal (PPK) Selagon selepas kediaman mereka terjejas akibat banjir yang melanda daerah ini sejak semalam.

Menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah, jumlah itu melibatkan lapan kampung terjejas dengan angka mangsa direkodkan semakin meningkat.

Sehingga jam 8 pagi tadi, daripada keseluruhan mangsa, seramai 99 orang dewasa termasuk warga emas dan 97 kanak-kanak serta bayi ditempatkan di PPS.

PPS Selagon dibuka pada jam 9 pagi pada Selasa bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir yang berpindah selepas kediaman mereka dinaiki air.

Setakat ini, tiada kematian direkodkan akibat bencana berkenaan.

JPBN dalam kenyataannya berkata, pihak berkuasa termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi berkaitan terus memantau keadaan cuaca serta paras air sungai di kawasan terlibat.

Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, mematuhi arahan pihak berkuasa serta tidak mengambil risiko meredah arus banjir demi keselamatan diri dan keluarga. – **SABAH MEDIA / FOTO APM**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tular diabai ibu tiri, polis ambil keterangan beberapa individu

Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Balik Pulau: Polis sudah mengambil keterangan beberapa individu termasuk kanak-kanak kembar yang didakwa diabaikan ibu tiri mereka di sebuah pangsapuri, di sini, semalam.

Ia susulan tular di media sosial memaparkan dua kanak-kanak berusia lapan tahun didakwa dibiarkan tidur di kaki lima pangsapuri selain mata seorang daripadanya ditutup ketika makan.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam berkata, pihaknya mengesan hantaran dibuat seorang wanita di laman Facebook, semalam berkaitan kanak-kanak berkenaan dan mengesyaki berlaku pengabaian.

Menurutnya, ibu kandung kanak-kanak itu yang juga pemilik akaun Facebook berkenaan turut membuat laporan polis pada hari yang sama.

"Menerusi rakaman percakapan, ibu kandung kanak-kanak itu mendakwa melihat hantaran di Facebook suspek, memaparkan kedua-dua mata seorang daripada anaknya ditutup dengan kain selain terdapat hidangan nasi dan lauk.

"Wanita itu turut mendakwa menerima gambar daripada rakannya yang memaparkan anaknya tidur di hadapan rumah mereka," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sazalee berkata, siasatan awal mendapati suspek wanita berusia 39 tahun adalah ibu tiri kepada kanak-kanak itu.

Menurutnya, pemeriksaan fizikal tidak menemukan kesan lebam di mana-mana bahagian badan mangsa.

"Kedua-dua kanak-kanak itu tidur di luar rumah selepas dimarahi kerana bermain api dengan membakar kertas di dalam rumah mereka, manakala mata ditutup semasa makan supaya mangsa makan sayur.

"Mereka juga mendakwa tidak pernah didera suspek lalu dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi pemeriksaan lanjut," katanya memaklumkan siasatan dibuat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Sementara itu, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri Lim Siew Khim berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menjalankan siasatan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

"Ia (siasatan) dilakukan mengikut skop JKJ dan pihak polis, jadi kita tunggu keputusan penuh sebelum sebarang tindakan selanjutnya diambil," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis sahkan kanak-kanak autistik diikat jalani terapi, bukan diculik

Nazdy Harun
am@hmetro.com.my



TANGKAP layar video tular lokasi penemuan kanak-kanak autistik yang ditemukan berjalan seorang diri di tepi jalan utama di Kuala Berang pada 10 Ogos lalu. FOTO Tular

Kuala Berang: Polis menafikan dakwaan kononnya berlaku kes penculikan kanak-kanak di daerah ini selepas tular gambar dan video seorang budak perempuan dalam keadaan badan dan tangan terikat, sebaliknya ia adalah sebahagian daripada kaedah terapi dijalankan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK).

Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Superintendan Sharudin Abdul Wahab berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai penularan gambar kanak-kanak perempuan berusia enam tahun yang ditemukan berjalan seorang diri di tepi jalan utama di daerah ini pada 10 Ogos lalu.

"Kanak-kanak itu dibawa seorang orang awam ke Balai Polis Kuala Berang kira-kira jam 8.45 pagi dalam keadaan berpakaian PPDK dan tangannya terikat dengan kain.

"Hasil siasatan mendapati kanak-kanak berkenaan adalah anak istimewa (autistik) yang mengalami masalah pembelajaran serta kerap mengutip dan memasukkan benda ke dalam mulut, selain suka mengais badan hingga mencederakan diri," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, pihak PPDK menggunakan kaedah terapi dengan mengikat tangan bersama badan bagi melatih kanak-kanak terbabit duduk diam ketika makan, selain langkah itu telah mendapat persetujuan ibu bapanya.

Menurutnya, semasa kejadian, seorang kanak-kanak lain dipercayai membuka pintu tanpa disedari sehingga membolehkan mangsa keluar menuju ke jalan utama.

"Ibu kanak-kanak tersebut turut mengesahkan anaknya menerima rawatan harian di PPDK Kuala Berang serta bersetuju dengan kaedah terapi dijalankan.

"Tiada unsur jenayah berlaku dalam kejadian ini dan ibu kanak-kanak terbabit juga sudah membuat laporan polis bagi menafikan dakwaan tidak benar yang tular di media sosial," katanya.

Sharudin turut menasihati orang ramai supaya tidak menyebarkan gambar atau video kanak-kanak berkenaan kerana boleh menjejaskan maruah keluarga dan institusi yang terbabit.

Katanya, polis akan terus memantau isu itu selain mengingatkan semua pihak agar lebih berhati-hati sebelum membuat sebarang kenyataan di media sosial.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TUKANG CAT NAFI LIMA PERTUDUHAN ROGOL, SKES LUAR TABII

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Ipoh: Seorang tukang cat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lima pertuduhan rogol dan seks luar tabii terhadap seorang kanak-kanak perempuan.

Tertuduh, Lee Fong Chiew, 60, mengaku tidak bersalah apabila kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan dalam Bahasa Kantonis di hadapan Hakim Jean Sharmila Jesudason.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol mangsa berusia antara sembilan tahun lapan bulan hingga berusia 10 tahun lapan bulan (ketika kejadian) pada 9 September dan 10 September 2024 serta 1 Ogos lalu.

Tertuduh turut didakwa melakukan pertuduhan seks luar tabii terhadap mangsa pada 9 September 2024 selain seks oral pada 24 Ogos lalu.

Kelima-lima kesalahan mengikut Seksyen 376 (2) dan Seksyen 377A Kanun Keseksaan didakwa dilakukan di sebuah rumah di dalam daerah Kampar.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nor Arfahanim Azureen Arfanuddin manakala tertuduh diwakili peguam Ng Xin Ru.

Nor Arfahanim tidak menawarkan jaminan kerana kes serius selain fak-

Tukang cat nafi lima pertuduhan rogol, seks luar tabii



LEE dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh.

tor hubungan di mana tertuduh adalah kenalan keluarga mangsa.

Bagaimanapun, Nor Arfahanim memohon tertuduh dijamin RM50,000 bagi setiap pertuduhan berserta syarat tambahan jika pihak mahkamah membenarkan jaminan.

Xin Ru merayu tertuduh diberi ikat jamin kerana lelaki itu mempunyai masalah sukar membuang air besar selain pendapatan tukang cat tidak menentu antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan berserta syarat tambahan iaitu tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan selain melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap awal bulan.

Tarikh sebutan semula ditetapkan pada 29 Oktober depan untuk serahan dokumen dan laporan perubatan.

INFO

Tertuduh didakwa melakukan pertuduhan seks luar tabii terhadap mangsa pada 9 September 2024 selain seks oral pada 24 Ogos lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Fong Chiew dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh bagi lima pertubuhan merogol dan melakukan seks luar tabii terhadap seorang kanak-kanak perempuan sejak tahun lalu.

Tukang cat tidak mengaku nodai anak kenalan

Oleh ASLIZA MUSA 10 September 2025, 12:21 pm

IPOH – Seorang tukang cat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen di hari ini atas lima pertuduhan merogol dan melakukan seks luar tabii terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun lapan bulan, sejak tahun lalu.

Tertuduh, Lee Fong Chiew, 60, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan dalam bahasa Kantonis di hadapan Hakim Jean Sharmila Jesudason.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada lima anak itu didakwa merogol kanak-kanak terbabit dalam tiga kejadian berasingan di sebuah rumah di Taman Hoong Chan, Kampar masing-masing pada pukul 5 petang pada 9 September 2024, 10 September 2024 (8.30 malam) dan 1 Ogos 2025 (7 malam).

Tertuduh juga didakwa bagi dua pertuduhan melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii terhadap mangsa di lokasi sama pada pukul 5 petang pada 9 September 2024 dan 3 petang pada 24 April 2025. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SANGKAL DAKWAAN NODA, AMANG SEKSUAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



RUSLAN didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan atas pertuduhan merogol dan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan pada April lalu. - Gambar NSTP/ASROL AWANG

Sangkal dakwaan noda, amang seksual

Kuantan: Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol dan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan April lalu.

Ruslan Sujak, 64, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azman Mustapha dan minta dibicarakan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didak-

wa merogol kanak-kanak berkenaan di sebuah rumah di daerah ini pada April lalu.

Bagi kesalahan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksan berdepan penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat.

Pertuduhan kedua pula tertuduh didakwa

melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa di tepi jalan di daerah ini pada April lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntuk-

kan penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat.

Sejurus pengakuan ti-

dak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 15 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam.

Tiada sebarang jaminan ditawarkan terhadap tertuduh.

Di samping itu, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Nurul Izzati Wan Mohd Zahari manakala diwakili tertuduh tidak diwakili peguam.

Tiada sebarang jaminan ditawarkan terhadap tertuduh

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas didakwa rogol, amang seksual kanak-kanak perempuan 7 tahun

🕒 10 September 2025, 1:13pm



Oleh: Asrol Awang

KUANTAN: Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun, April lalu.

Tertuduh, Ruslan Sujak, 64, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azman Mustapha dan minta dibicarakan.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa merogol kanak-kanak itu di sebuah rumah di daerah ini pada April lalu.

Bagi kesalahan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan berdepan penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat.

Pertuduhan kedua pula tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa di tepi jalan di daerah ini pada April lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat.

Tiada sebarang jaminan ditawarkan terhadap tertuduh.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Nurul Izzati Wan Mohd Zahari manakala diwakili tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 15 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BUDAK KENA DERA DISYAKI CURI DUIT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Budak kena dera disyaki curi duit

Hulu Selangor: Hanya kerana disyaki mencuri duit, seorang kanak-kanak lelaki menempuh detik hitam apabila didera nenek dan ibu saudara.

Perlakuan kejam itu terbongkar selepas ibu mangsa membuat laporan polis, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ibrahim Husin berkata, ibu kanak-kanak itu memaklumkan anaknya yang berumur tujuh tahun didera semasa mengambilnya di rumah ibu mentua di Sungai Tinggi, Gedangsa di sini.

“Bahagian Siasatan Je-

nayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor kemudian menahan dua wanita warga tempatan berusia 35 dan 71 tahun,” katanya.

Ibrahim berkata, kanak-kanak lelaki itu cedera ringan di kaki akibat dicubit, selain dipukul dengan tangan dan rambut ditarik kuat.

“Mangsa kini stabil dan tidak mengalami kecederaan serius.

“Pada masa sama, semakan mendapati kedua-dua suspek tidak mempunyai rekod lampau dan ujian saringan air kencing didapati negatif,” katanya.